



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI KARANGAN
09410 PADANG SERAI, KEDAH.

UJIAN PENILAIAN PRESTASI 2021
Bahasa Melayu (1103/2)
Kertas 2
2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian : **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
2. *Jawab **semua** soalan **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan **Rumi** atau **Jawi**.*

Disediakan oleh ;
Panitia Bahasa Melayu
SMK Sungai Karang.

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

Jawab **semua** soalan.**Soalan 1 : Morfologi**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **satu kata adjektif, satu kata hubung dan satu kata pemerri**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Terompah tempurung ialah permainan sukan rakyat yang masih popular pada masa ini. Cara bermainnya adalah dengan meletakkan kaki di atas tempurung. Ibu jari kaki menyepit tali dan tangan pula perlu mengawal tali ketika kaki digerakkan. Ketika bermain, pemain akan berasa seronok dan tubuh badan semakin sihat serta meningkatkan kekuatan fizikal otot tangan dan kaki. Selain itu, emosi dan kesabaran dapat dipupuk.

Dipetik dan diubah suai daripada
Sukan dan Rekreasi,
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5.
[6 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **pola** bagi ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan **Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN)**, **Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK)**, **Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA)** dan **Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FSN)**.

Kek lapis Sarawak ialah sejenis pamanis mulut yang istimewa di negeri Sarawak. Kek ini dihidangkan dalam perayaan, hari lahir, hantaran pertunangan atau hadiah buat insan istimewa dan perkahwinan. Kek lapis Sarawak sangat istimewa kerana pembuatannya yang renyah. Pelancong ke Sarawak untuk menikmati kek lapis ini. Kek lapis Sarawak ini sangat penting dalam penarikan pelancong ke negeri tersebut. Pembuat kek lapis Sarawak telah melakukan pelbagai inovasi agar kek ini mendapat sambutan daripada pelanggan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Memacu Produktiviti,
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,
[6 markah]

Soalan 3 : Penyuntingan

Dalam **Petikan 1**, terdapat **enam** kesalahan bahasa manakala **Petikan 2** terdapat **lima** kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Emak sangat sibuk pada hari ini. Dari pagi hingga ke petang, emak berada di dapur untuk menyiapkan juadah kenduri. Emak memasak pelbagai jenis kuih-muih untuk tetamu yang akan hadir pada malam ini. Emak juga menyediakan masakan ayam kari dan ikan siakap tiga rasa. Abang turut membantu emak memasak. Antara juadah yang abang masak ialah sotong goreng. Kenduri pada malam ini merupakan kenduri kemegahan kerana kakak telah mendapat keputusan cermelang dalam SPM.

Dipetik dan diubah suai daripada
Sistem Bahasa,
oleh Teo Wei Sing dan Darwis Jasmin
[6 markah]

Petikan 2

Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah bersetuju untuk mencemar duli ke Majlis Anugerah Aspirasi Murid SMK Sungai Karangan. Semua warga sekolah itu terlalu gembira dengan keberangkatan tiba baginda yang disambut dengan paling meriah sekali. Semasa bertitah, baginda menasihati murid-murid agar cermat memanfaatkan segala kemudahan pendidikan yang kerajaan sediakan bagi meningkatkan kecemerlangan mereka. Mereka diseru agar terus gigh menuntut ilmu demi untuk memenuhi aspirasi negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kertas Soalan Peperiksaan Sebenar PT3,
oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
[5 markah]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah maksud dan bentuk asalnya.

Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar yang tiada takluk kepadanya, maka Paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah ke benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi.

Dipetik daripada
Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia.
[6 markah]

Soalan 5 : Peribahasa

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemukakan **tiga peribahasa yang menggambarkan tiga situasi berbeza** yang terdapat dalam petikan ini.*

Banyak orang berniaga berhampiran dengan stadium tempat perlawanan bola sepak peringkat daerah diadakan. Mereka menjual cenderamata serta pelbagai jenis makanan dan minuman. Harga makanan dan minuman yang dijual di situ amat mahal. Perlawanan bola sepak yang dilangsungkan benar-benar hebat kerana Kelab Arsenal bertemu dengan lawan yang sebenar. Kelab Arsenal hanya bertemu dengan pasukan yang tidak kuat sebelum ini.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

Jawab **semua** soalan.

6. *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Sukar untuk kita menjaga tubuh jika tidak tahu apa-apa mengenainya, ibarat kita hendak melawan musuh tetapi tidak memahami sebab dan cara untuk bertindak. Antara kaedah yang dapat diambil untuk menjaga tubuh termasuklah pemeriksaan kesihatan berkala sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Pemeriksaan kesihatan secara berkala perlu dilakukan untuk mengesan penyakit ketika masih pada peringkat awal kerana mencegah lebih baik daripada merawat. Oleh itu, sebelum apa-apa yang tidak diingini berlaku, lebih baik kita melakukan *tindakan awal* pencegahan. Selain itu, aspek pemakanan yang amat penting bagi menjamin kesihatan yang baik. Kita haruslah mengamalkan pemakanan yang seimbang dan berkhasiat dalam kehidupan. Pengambilan makanan mengikut piramid makanan sangat disarankan oleh pakar kesihatan bagi menjamin tahap kesihatan yang baik berterusan. Diet yang seimbang dapat memastikan tubuh seseorang mendapat zat yang diperlukan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Nilai Kesihatan,
oleh Nur Amira Talib,
Dewan Siswa, November 2016.

Bahan 2

Rumah tangga yang sejahtera terbentuk daripada keprihatinan ibu bapa tentang amalan cara hidup sihat dan cergas. Maklumat penjagaan diri dan pemakanan diperoleh daripada beberapa laman sesawang seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri, dan Kelab Nutrisi Malaysia.

Pemakanan yang seimbang amat penting untuk penjagaan kesihatan. Manusia seharusnya mengambil makanan dalam kuantiti yang kecil tetapi berkhasiat. Pengambilan makanan seimbang dalam diet seharian dapat mengurangkan risiko menghidap beberapa jenis penyakit seperti barah, angin ahmar, darah tinggi, kencing manis, batu karang, obesiti, kolesterol tinggi dan osteoporosis.

Dipetik dan diubah suai daripada
Pemakanan yang Sihat
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 1.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *tindakan awal*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan dan perbezaan amalan cara hidup sihat bagi menjamin kesihatan yang baik.
[3 markah]
- (iii) Pelbagai langkah telah dilakukan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan diri.
Pada pendapat anda, apakah peranan pihak sekolah untuk menimbulkan kesedaran murid tentang kepentingan menjaga kesihatan diri?
[3 markah]
- (iv) Seorang daripada rakan sekelas anda kerap selesema, batuk dan bersin. Gejala ini mengganggu pembelajarannya ketika di sekolah.
Cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh rakan anda ketika berhadapan dengan masalahnya itu.
[4 markah]

7. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

SEMUA PELAJAR	Assalamualaikum dan selamat sejahtera, cikgu.
CIKGU DAHARI	Waalaikumussalam dan selamat sejahtera. Semua boleh duduk. Semua dah baca berita tentang murid yang terpilih dan penempatan untuk PLKN?
NORA	Sudah cikgu. Ramai yang terpilih dan kami amat teruja untuk menyertainya. Tak sabar rasanya.
CIKGU DAHARI	Baguslah kalau begitu. Bertuah negara kita punyai remaja seperti kalian. Sentiasa sedia berkhidmat untuk negara.
SUNDARANI	Boleh cikgu terangkan lebih lanjut tentang PLKN?
CIKGU DAHARI	Tentu sekali. Program Latihan Khidmat Negara ataupun nama ringkasnya PLKN merupakan kursus latihan wajib bagi mereka yang baru menamatkan persekolahan di Malaysia. Program ini bertujuan untuk pembinaan sahsiah diri. Bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Program ini bukanlah bersifat kerahan tenaga dan tidak mengikut mana-mana model dari luar kerana dilaksanakan menurut cara Malaysia.
AH TIAU	Apakah objektifnya, cikgu?
CIKGU DAHARI	Tiga objektif yang digariskan, iaitu yang pertama, menanam semangat patriotik dalam kalangan generasi muda atau remaja Malaysia. Kedua, memupuk semangat perpaduan kaum serta integrasi nasional, dan yang ketiga, membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni.

Dipetik daripada cerpen 'Berkhidmat untuk Negara',
oleh Affix Zulkarnaen Adam,
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2**Gelanggang**

Ini gelanggang kita
yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih
lima dekad yang lalu
satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu
di kemudian hari.

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat dan
air mata
dengan gelanggang inilah negara aman makmur rakyat
berpadu
kita pelihara gelanggang ini dengan kejaap sepenuh hati
kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat
kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai
keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang menangkis tohmahan
demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini
suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh
hati nurani
kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah
gelanggang
jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri.

Marilah para pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah
elakkan pertelingkahan sesama sendiri.

Kitalah pewaris abadi yang menjunjung amanah ini
agar kecemerlangan tercipta di persada arena
terus memacu kejayaan demi maruah harga jati diri
membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati
kita junjung dan taat hingga ke akhir hayat.

Onn Malini

Pohon Tradisi, 2012

Gapeniaga Sdn. Bhd.

Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*

Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan **dua** tanggungjawab pewaris kepada gelanggang.
[2 *markah*]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan **kepentingan** PLKN dan **Bahan 2**, nyatakan **kepentingan** menjaga perpaduan negara.
[3 *markah*]
- (iii) Anda merupakan pewaris yang mungkin menjadi pemimpin negara pada masa hadapan. Nyatakan **ciri-ciri** negara yang anda harapkan sekiranya anda menjadi seorang pemimpin.
[4 *markah*]
- (iv) Anda dan rakan anda mendapat tawaran menyertai PLKN. Rakan anda tidak berminat untuk mengikuti program tersebut atas alasan yang kurang munasabah. Sebagai rakan yang prihatin, apakah pendekatan-pendekatan yang anda akan ambil bagi memastikan rakan anda bersetuju untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara?
[4 *markah*]

8. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

... Duduk dekat jendela, aku mengeluarkan buku *Panduan Pemakanan Sihat Melalui Sayur-sayuran dan Buah-buahan*.

Kubaca halaman yang kutandai:

Sayur-sayuran dan ulam-ulaman mengandungi banyak serat (fiber) dan kurang kalori. Kaya dengan sumber utama vitamin C, vitamin A, asid folik, dan zat galian yang sangat diperlukan untuk pertumbuhan dan penjagaan tubuh badan serta minda yang sihat. Khasiat yang terdapat dalam sayur-sayuran dan ulam-ulaman ini dapat menyelenggara tisu-tisu kulit, mata, tulang, dan otak. Ulam-ulaman biasanya banyak terdapat di kawasan kampung sama ada ditanam atau tumbuh sendiri di hutan-hutan yang berhampiran. Apabila pembangunan rancak dilaksanakan, banyak kawasan hutan diteroka sekali gus menyebabkan ulam-ulaman turut pupus. Berikutan itu, ulam-ulaman sukar diperolehi di kampung-kampung dan pasar-pasar termasuk pasar tani.

Dipetik daripada novel '*Jendela Menghadap Jalan*',
karya Ruhaini Matdarin,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan khasiat yang terdapat dalam sayur-sayuran dan ulam-ulaman. [4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:*

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (ii) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (iii) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (iv) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (v) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (vi) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (vii) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, nyatakan **dua** peristiwa yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca.

Huraikan **sebab** anda berpendapat demikian.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 - PETIKAN

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah. Kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) ialah entiti utama sesebuah sekolah dan asas penubuhannya termaktub dalam Akta Pendidikan 1961. Objektif penubuhan PIBG perlulah mendukung visi yang selari dengan dasar-dasar negara seperti Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Sehubungan dengan itu, PIBG berperanan sebagai wahana yang membolehkan ahli berkongsi maklumat melalui pelbagai medium.

Ahli PIBG hendaklah terdiri daripada guru sekolah tersebut dan ibu bapa yang anak mereka menuntut di sekolah itu. Tanggungjawab PIBG adalah perlu mengadakan program-program yang dapat menemukan ibu bapa dengan guru-guru yang mengajar anak-anak mereka untuk menjalinkan ukhawah. Namun demikian, ibu bapa masih kurang bergiat aktif dalam PIBG. Usaha-usaha menggalakkan ibu bapa bergiat aktif ialah pihak sekolah perlu menyediakan laman sosial PIBG seperti WhatsApp. Seterusnya, pihak sekolah boleh menyediakan bilik PIBG yang kondusif.

Tugas PIBG adalah dapat merapatkan hubungan sesama ibu bapa demi kebajikan anak-anak mereka. PIBG juga bertanggungjawab untuk membantu menyelesaikan masalah ibu bapa yang tidak berpuas hati dengan tindakan segelintir guru. Di samping itu, PIBG boleh menjadi perantara pihak tertentu dengan pihak sekolah seperti PIBG dijadikan platform oleh pihak luar untuk melaksanakan aktiviti. PIBG juga berfungsi untuk melengkapkan prasarana fizikal sekolah seperti penyediaan akses jalur lebar, perpustakaan dan kemudahan sukan.

Bagi bidang akademik pula, PIBG boleh menubuhkan tabung pendidikan untuk menambahkan sumber kewangan sekolah. Pihak PIBG juga dapat membantu dalam menjayakan sesuatu program yang dirancang oleh pihak sekolah. Sebagai tanda penghargaan, inisiatif yang boleh diambil ialah pihak sekolah boleh menyediakan sijil kepada ibu bapa yang melibatkan diri dalam program sekolah. Sesungguhnya, PIBG dapat membantu pihak sekolah untuk meningkatkan kecemerlangan akademik, sahsiah dan kokurikulum. Dalam membangunkan modal insan bukan hanya terletak pada bahu pihak sekolah mahupun pihak kerajaan tetapi turut didukung oleh ibu bapa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Keakraban Pemangkin Kerjasama Ibu Bapa-Sekolah'
oleh Dr. Suresh Kumar N Vellaymalay
Pendidik, Mei 2017.

Bahan 2 - GRAFIK

TAHUKAH ANDA!

1

orang tengah antara ibu bapa dengan guru.

2

membantu kebajikan sekolah.



5

membantu murid-murid kurang kemampuan.

4

meningkatkan keceriaan premis sekolah.

pemantau dan penilai perjalanan sekolah.

3

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT